




---

**PENYATA JAWATANKUASA  
PILIHAN KHAS MENGENAI  
KEUPAYAAN,  
KEBERTANGGUNGJAWABAN DAN  
KETELUSAN (SPECIAL SELECT  
COMMITTEE ON COMPETENCE,  
ACCOUNTABILITY AND  
TRANSPARENCY-SELCAT) BAGI  
DEWAN NEGERI SELANGOR  
BERHUBUNG “STRATEGI  
PEMULIHAN PENGURUSAN  
PERBADANAN KEMAJUAN  
NEGERI SELANGOR (PKNS) :  
PELAKSANAAN INTEGRITY  
PACT”.**

---



Penyata oleh Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Keupayaan, Kebertanggungjawaban dan Ketelusan (Special Select Committee on Competency, Accountability and Transparency- SELCAT), Dewan Negeri Selangor berhubung "Strategi Pemulihan Pengurusan Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor (PKNS) : Pelaksanaan Integrity Pact.".

## 1. MUKADIMAH

- 1.1. SELCAT telah mengadakan pendengaran awam pada 25hb Mac 2014 bagi menyiasat sama ada pemecatan 20 pekerja-pekerja kontrak PKNS Holdings Sdn. Bhd. ("PHSB") yang telah dipinjamkan kepada PKNS telah dilakukan secara teratur kerana publisiti negatif di dalam media yang menggugat imej PKNS sebagai sebuah badan berkanun Kerajaan Negeri Selangor. Terdapat pelbagai gesaan untuk SELCAT menyiasat PKNS dalam perkara ini termasuk Dato' Menteri Besar Selangor dan pihak pembangkang iaitu UMNO. Status Y.B. Tuan Azmin Mohd Ali ("YB Azmin Ali") sebagai ahli Lembaga Pengarah PKNS turut dibangkitkan semasa pendengaran awam tersebut.
- 1.2. Ahli Jawatankuasa bersetuju untuk meneliti isu ini kerana terdapat lebih 90 artikel mengenai isu ini telah dilaporkan di dalam media, baik media cetak mahupun media elektronik. Artikel-artikel tersebut melaporkan pelbagai dakwaan dan kenyataan berbeza yang dibuat oleh pelbagai pihak. Hal ini telah membentuk satu persepsi negatif terhadap PKNS di kalangan rakyat berkenaan penyalahgunaan kuasa oleh sesetengah individu dan juga ianya didakwa melibatkan penggunaan jumlah wang yang agak banyak.
- 1.3. Oleh yang demikian, sebagai sebuah Jawatankuasa Pilihan yang dipertanggungjawabkan untuk memantau keupayaan, akauntabiliti dan ketelusan mana-mana agensi Kerajaan Negeri, SELCAT berpendapat ianya wajar untuk mengadakan pendengaran awam mengenai isu ini untuk mencari kebenaran, fakta dan sekaligus membetulkan persepsi rakyat terhadap isu ini.

## **2. SAKSI-SAKSI**

**2.1.** Seramai 28 orang saksi telah disaman untuk hadir memberikan keterangan.

Bagaimanapun hanya 22 hadir memberikan keterangan:

**2.2.** Tan Sri Dato' Seri Abdul Khalid Ibrahim

YAB Dato' Menteri Besar Selangor ("Dato' Menteri Besar")

**2.3.** YB Azmin Ali

ADUN Bukit Antarabangsa

**2.4.** Dato' Othman bin Omar

Bekas Pengurus Besar PKNS

**2.5.** En. Noor Hisham Mohd Ghouth

Pengurus Besar PHSB

**2.6.** Tn. Hj. Azlan Alifah

Pengurus Besar PKNS

**2.7.** Datin Paduka Nurazlina binti Zakaria

Pembantu Pengurus Besar (Perhubungan Korporat) PKNS

**2.8.** Tuan Dr. Alif Aiman Bin Abdullah

Bekas Pengurus Kanan Pemasaran PKNS Holdings Sdn. Bhd.

**2.9.** En. Ahmad Zaidee Bin Leham

Bekas Pengurus Pengembangan Perniagaan

**2.10.** En. Muhammad Zhafri Bin A. Kamazar

Bekas Eksekutif Pemasaran – Galeri

**2.11.** Pn. Sumaiya Binti Dato' Asbi

Bekas Eksekutif Operasi Hospitality

- 2.12. Pn. Saidatul Zafirah Binti Mohd Noh  
Bekas Eksekutif Pengiklanan dan Promosi
- 2.13. Cik Siti Khadijah Binti Mohd Azhari  
Bekas Eksekutif Pemasaran
- 2.14. Cik Nurul Izzah Binti Ibrahim  
Bekas Eksekutif Kewangan
- 2.15. Cik Rafizah Binti Abdul Rahman  
Bekas Pegawai Integriti
- 2.16. Pn. Saaidah Khadijah Binti Naim  
Bekas Pengurus Pengembangan Perniagaan
- 2.17. Cik Nik Nur Amalina Binti Abd Aziz  
Bekas Eksekutif Kanan, Perkhidmatan Bersama (Administratif)
- 2.18. Pn. Nor Azlina Binti Mohd Dali Jinah  
Bekas Pengurus
- 2.19. Cik Lily Mariana Binti Dato' Haji Man  
Bekas Penolong Pengurus Hospitaliti
- 2.20. En. Sanjit Singh  
Bekas Eksekutif Kanan Hospitaliti
- 2.21. En. Wan Mohd Faqqurrazi Firdaus Bin Mohd Isa  
Bekas Pegawai Media dan Perhubungan Strategik
- 2.22. En. Muhammad Hanif bin Sulaiman  
Bekas Pegawai Keselamatan, Kesihatan Pekerjaan dan Alam Sekitar
- 2.23. Hajah Norita binti Mohd Sidek  
Bekas Setiausaha Kerja PKNS

### 3. LATAR BELAKANG

- 3.1. PKNS merupakan salah sebuah badan berkanun yang telah ditubuhkan dibawah Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 di mana tujuan penubuhannya adalah untuk mempromosi, merangsang, memudahcara dan melaksanakan pembangunan industri, sosial, komersial, ekonomi, pertanian dan perumahan di negeri Selangor seperti yang termaktub di dalam Seksyen 11 Enakmen PNKS tersebut.
- 3.2. Sebagai sebuah badan berkanun kerajaan Negeri dan selaras dengan Seksyen 16 Enakmen PKNS, sebahagian daripada dana PKNS adalah daripada kerajaan Negeri. Oleh itu, segala perbelanjaan di dalam PKNS dan PHSB sebagai anak syarikat PKNS adalah melibatkan wang rakyat.
- 3.3. PKNS juga telah menandatangani ikrar Integriti Korporat pada 14hb November 2012 di mana PKNS memberikan komitmen untuk mempromosikan integriti, ketelusan dan tadbir urus terbaik dalam semua aspek operasinya.
- 3.4. Pada 8hb Januari 2014, sepucuk surat pelucutan YB Azmin Ali sebagai ahli perbadanan PKNS berdasarkan minit mesyuarat MMKN bertarikh 13hb November 2013 telah dihantar oleh PKNS kepada YB Azmin Ali dan kemudian ditarik balik pada 15hb Januari 2014.
- 3.5. Isu ini berlarutan di media di mana terdapat pelbagai kenyataan bercanggah daripada Dato' Menteri Besar selaku Pengerusi PKNS, wakil-wakil PKNS dan PHSB, dan YB Azmin Ali sendiri mengenai status kedudukan beliau sebagai ahli perbadanan PKNS.
- 3.6. Pada 4hb Februari 2014, 20 pekerja kontrak PHSB yang dipinjamkan kepada PKNS telah diberitahu bahawa mereka telah ditamatkan perkhidmatan secara serta-merta tanpa amaran atau perbincangan berserta surat penamatan perkhidmatan bertarikh 3hb Februari 2014. Di dalam surat tersebut, sebab penamatan perkhidmatan diletakkan sebagai penyusunan semula organisasi dan sumber manusia.

3.7. Mahupun begitu, dalam media terdapat pelbagai kenyataan bercanggah daripada Dato' Menteri Besar selaku Pengerusi PKNS, wakil-wakil PKNS dan PHSB, dan 20 pekerja kontrak tersebut.

3.8. Isu ini berlarutan di mana tiada kepastian kerana kenyataan bercanggah dalam media di mana sebab-sebab penamatkan perkhidmatan kontrak yang diberikan adalah penyusunan dan penstruktur semula PKNS, 'whistleblowing' atau salah laku di mana didakwa mereka tidak diambil bekerja melalui cara yang betul, dakwaan bahawa mereka mempunyai hubungan rapat dengan YB Azmin Ali dan dibayar gaji lumayan.

#### 4. KETERANGAN DATO' MENTERI BESAR

4.1. Dato' Menteri Besar menerangkan bahawa beliau menjadi Pengerusi PKNS setelah dilantik sebagai Menteri Besar Selangor pada 14hb Mei 2013. Seminggu selepas itu, ahli-ahli perbadanan PKNS dilantik menurut s.4(1) Enakmen Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor 1964 ("Enakmen PKNS").

4.2. PHSB adalah salah satu anak syarikat PKNS. PKNS mempunyai saham di dalam PHSB yang merupakan salah satu daripada 30 anak syarikatnya. PKNS mempunyai saham sama ada 100% pemilik saham ataupun peratusan yang lain di dalam anak-anak syarikat tersebut.

4.3. PHSB dan anak-anak syarikat yang lain adalah pelaksana projek-projek dan lain-lain yang diluluskan di dalam mesyuarat PKNS yang diadakan 3-4 kali setahun. Oleh sebab itu, anak syarikat ditubuhkan untuk melaksanakan tugas-tugas atau perniagaan-perniagaan tertentu secara spesifik.

4.4. Dato' Menteri Besar menerangkan bahawa dalam amalan korporat biasa, satu Ketua Pegawai Eksekutif ("CEO"), dan Pengerusi biasa akan dilantik. Dato' Menteri Besar dianggap sebagai Pengerusi Eksekutif.

4.5. Dato' Menteri Besar menerangkan bahawa beliau mengarahkan Tn. Hj Azlan untuk menjaga kepentingan warga kerja PKNS kerana kekuatan sumber manusia adalah aset. Tn. Hj. Azlan telah melakukan kajian seperti yang diminta, dan telah

menghantar kepada beliau laporan mengenai apa yang boleh dilakukan kepada PKNS dari segi pembangunan kepada Dato' Menteri Besar. Berasaskan laporan tersebut, Dato' Menteri Besar bersetuju untuk ianya dilaksanakan dan meminta Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri untuk memantau proses pelaksanaan. Keputusan untuk memecat pekerja-pekerja kontrak tersebut kemudian dilaksanakan.

- 4.6. Dato' Menteri Besar mengakui bahawa beliau tidak mengenali 20 orang pekerja kontrak tersebut. Terdapat lebih kurang 1000 pekerja dalam PKNS. Keputusan untuk mengambil staf kontrak itu adalah di dalam tangan anak syarikat itu sendiri, dan PHSB ini berkuasa untuk membuat keputusan sendiri. Keputusan yang dibuat anak syarikat ada kalanya tidak perlu mendapat kelulusan lembaga Perbadanan PKNS.
- 4.7. Dato' Menteri Besar mengakui bahawa terdapat ketidakteraturan di dalam pengambilan pekerja-pekerja kontrak dan Lembaga Pengarah telah terlepas pandang isu ini.
- 4.8. Dato' Menteri Besar menerangkan bahawa tarikh kesemua dokumen berkenaan penamatan kontrak staf adalah bertarikh 3hb Februari 2014 yang nampaknya tergesa-gesa kerana gaya kerja Pengurus Besar yang baru yang lebih efisien. Beliau tidak pernah mengeluarkan arahan untuk mempercepatkan proses penamatan kontrak dalam jangkamasa 24 jam. Beliau hanya bertanggungjawab memberi hala tuju dan pelaksanaan kepada Pengurus Besar.
- 4.9. Berkennaan YB Azmin Ali pula, di dalam minit MMKN tidak disebut pembaharuan dan tidak dibincangkan perkara ini. Surat kepada YB Azmin Ali ditandatangani Pengurus Besar PKNS. Dato' Menteri Besar tidak tahu surat itu telah dihantar.

## 5. KETERANGAN PHSB

### 5.1. Perlantikan Pekerja-Pekerja Kontrak

- 5.1.1. Ketua Bahagian di dalam PKNS akan membuat permintaan untuk pekerja baru kepada Pengurus Besar PKNS. Setelah mendapat kelulusan Pengurus Besar PKNS, ketua sumber manusia atas rekomendasi Ketua Bahagian akan sama ada mengeluarkan iklan atau menamakan calon atas nasihat 'headhunters'.
- 5.1.2. Calon akan dipanggil oleh PHSB untuk hadir temuduga, sama ada sebagai Pengurus, Hospitaliti, dan lain-lain. Calon tersebut apabila hadir temuduga akan ditemuduga panel dianggotai Pengurus Besar, wakil PKNS dan ketua jabatan yang berkaitan. Sekiranya calon didapati sesuai dan layak, pihak bahagian sumber manusia PKNS akan membuat satu kertas kerja untuk kelulusan Pengurus Besar berserta ulasan dan saranan pakej tahunan. Kemudian, bahagian sumber manusia PKNS akan mengeluarkan surat tawaran kepada calon yang berjaya. Tawaran terus dibuat melalui PHSB, apabila mendapat kelulusan PKNS barulah surat tawaran dikeluarkan.
- 5.1.3. Persetujuan pihak PKNS dibuat melalui mesyuarat sekeluarga PKNS dan PHSB. PHSB pembekal perkhidmatan yang memegang pekerja dan gaji pakej mereka selepas mendapat kelulusan mesyuarat PKNS. Amalan PKNS adalah untuk membuat bayaran 50% berserta gaji dan bonus pekerja-pekerja kontrak kepada PHSB. Pakej gaji paling rendah adalah RM5,000.00, dan yang paling tinggi RM23,000.00. Menurut Noor Hisham, ini kerana kepakaran tersebut tidak ada dalam PKNS. PKNS tidak boleh menawarkan harga pasaran untuk pekerja-pekerja profesional kerana mengikut garis panduan Jabatan Perkhidmatan Awam, oleh itu PHSB menjadi pembekal pekerja-pekerja profesional tersebut.
- 5.1.4. Menurut Dato' Othman Omar, salah satu objektif PHSB adalah untuk memberikan perkhidmatan kepada kumpulan PKNS untuk mendapatkan pekerja berkemahiran tinggi.

5.1.5. Tn. Hj. Azlan, Pengurus Besar PKNS telah memulakan kerja pada 23hb Januari 2014. Beliau mengambil alih dari Dato' Othman Omar dan diberikan penerangan awal oleh jabatan audit, sumber manusia bahawa mereka dapat diwujudkan satu pembabitan ke atas pengurusan anggota PHSB bermula 27hb September 2013.

5.1.6. Pada 31hb Disember 2013, laporan dibuat mengenai perlantikan pekerja-pekerja 20 orang ini kepada PKNS oleh bahagian sumber manusia PKNS, sumber-sumbernya adalah daripada perbincangan dan pembentangan, pemerhatian audit tersebut. Pemerhatian-pemerhatian yang dibuat adalah:

- a) Polisi dan pemerhatian, PKNS sebagai Jabatan/Agenis kerajaan tidak diwujudkan;
- b) Status perlantikan anggota tidak jelas;
- c) Tiada surat tawaran diberikan kepada anggota ;
- d) Kaedah bayaran tidak jelas;
- e) Waktu kerja tidak jelas;
- f) KPI tidak dijelaskan;
- g) Kontrak tidak diwujudkan;
- h) Perlantikan anggota tidak dibentangkan kepada jawatankuasa anggota;
- i) Anggota tidak melaporkan kerja kepada anggota sumber manusia;
- j) Tiada garis panduan khusus.

5.1.7. Untuk mengurangkan pertindihan kerja atau fungsi maka PKNS telah mendapatkan kertas kerja oleh sumber manusia dan Tn. Hj. Azlan membuat keputusan dengan mendapat kelulusan Dato' Menteri Besar selaku Penggerusi PKNS untuk memulangkan semula pekerja-pekerja kepada PHSB.

5.1.8. Pada 2hb Februari 2014 cek untuk kos pekerja-pekerja kontrak sebanyak RM 292,302.00 telah dikeluarkan. Pada 12hb Februari 2014 PHSB membincangkan audit. Pada 18hb Februari 2014, representasi bawah s.20 Akta Kerja 1955 telah diberikan. Terdapat rundingan damai di Mahkamah Perusahaan yang dihadiri Penggerusi PHSB, wakil PKNS dan 18 wakil telah memberikan tuntutan mereka. Tuntutan maksimum yang mungkin didapati mereka adalah RM 49 juta kepada

18 orang pekerja PKNS. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri ("MMKN") mengambil maklum tindakan PKNS.

5.1.9. PHSB mengesahkan bahawa 20 pekerja tersebut tidak bersalah atas apa-apa pembabitan salah laku.

5.1.10. Prosedur untuk pengambilan kerja anak syarikat ditetapkan oleh pengurusan dan lembaga pengarah.

5.1.11. Proses penamatan dibuat dengan cepat kerana memandangkan nilai maklumat yang dikendalikan oleh pekerja-pekerja kontrak bagi pihak Syarikat. Kontrak membenarkan PHSB untuk memberikan notis penamatan berdasarkan keperluan PHSB sendiri. Di sini membuat keputusan, '*in lieu of notice*', maka PHSB tamatkan kontrak pekerjaan.

5.2. Penamatan YB Azmin Ali sebagai ahli perbadanan PKNS (Keterangan oleh Dato' Othman Omar)

5.2.1. Pada 15hb Mei 2013, PKNS telah menghantar sepucuk surat kepada pejabat Dato' Menteri Besar untuk meminta nasihat untuk pengesahan ahli perbadanan baru. Pada 26hb September 2013, PKNS juga meminta nasihat daripada Penasihat Undang-Undang ("PUU") sama ada status ahli perbadanan PKNS kekal ataupun berubah selepas pilihanraya umum ke-13. Pada 13hb November 2013, MMKN telah bermesyuarat, di mana minit mesyuarat tersebut telah disahkan pada 4hb Disember 2013.

5.2.2. Sebulan sebelum itu, pada 12hb November 2013 PKNS telah mengadakan mesyuarat Lembaga Pengarah bersama YB Azmin Ali sepetimana senarai ahli perbadanan yang lama. Pada 9hb Disember 2013 apabila keluar surat keputusan MMKN mereka difahamkan bahawa ketiadaan nama YB Azmin Ali bermaksud beliau bukan lagi ahli perbadanan PKNS dan apabila disahkan oleh minit mesyuarat berserta kertas cadangan yang diberikan kepada mereka, tugas mereka adalah untuk menyampaikan keputusan tersebut kepada YB Azmin Ali.

5.2.3. Setelah dinasihati peguam beliau bahawa surat minit harus dibaca sekali bersama kertas cadangan, Dato' Othman Omar melihat pilihan adalah ahli perbadanan lama telah diganti dengan orang baru. Menurut Enakmen dan kertas kerja yang dikeluarkan jelas tercatit nama Y.B. Puan Teresa Kok dan Y.B. Dato' Teng Chang Khim, manakala tiada rekod yang mengatakan bahawa YB Azmin Ali telah dilantik semula. Ianya tugas Pengurus Besar adalah untuk melaksanakan keputusan MMKN, bukan keputusan beliau.

5.2.4. Kertas kerja itu disediakan oleh PKNS dan PKNS telah menulis kepada Dato' Menteri Besar untuk mendapatkan pandangan. Setiausaha sulit Dato' Menteri Besar telah meminta PKNS menyediakan kertas kerja memandangkan untuk mendapatkan pandangan atau keputusan Dato' Menteri Besar adalah sukar walaupun pertanyaan telah dibuat secara surat menyurat dan lisan beberapa kali.

5.2.5. PKNS telah memberikan 2 pilihan, iaitu sama ada kedudukan YB Azmin Ali disambung atau ditarikbalik sebagai ahli perbadanan. PKNS tidak mendapat jawapan yang jelas daripada MMKN mengenai status YB Azmin Ali.

## 6. KETERANGAN PEKERJA-PEKERJA KONTRAK YANG DIPECAT

6.1. Dr. Alif Aiman, Bekas Pengurus Kanan Pemasaran PHSB dan selaku wakil mengatakan bahawa kesemua pekerja-pekerja kontrak menerima surat tawaran yang ditandatangani dan menerima surat penamatan kerja. Bayaran pampasan menurut kontrak telah diberikan kepada semua.

6.2. Penamatan tidak dilakukan secara teratur. Penamatan ini dilakukan secara mengejut dan situasi ini masih tidak dijelaskan kepada mereka.

6.3. Rasional tindakan PKNS memberhentikan mereka berubah setiap hari. Pengurus Kanan dan Jabatan Sumber Manusia juga tidak tahu. Dr. Aliff Aiman mengatakan bahawa 4 hari sebelum surat penamatan diberikan, beliau ditawarkan kedudukan sebagai Ketua Kumpulan. Mereka tidak diambil bekerja sendiri tetapi diambil bekerja oleh PKNS, dan PHSB mempunyai kuasa untuk mengambil sesiapa bekerja.

- 6.4. Kos sebenar gaji mereka tidak diketahui, tetapi maksimum RM 2 juta setahun. Staf-staf PHSB adalah dalam struktur organisasi PKNS dan tidak mempunyai kos overhead. Tuduhan mereka dibayar gaji memakan kos RM 7 juta setahun tidak diketahui asalnya.
- 6.5. Pekerja-pekerja kontrak tidak mempunyai kuasa untuk mengambil orang bekerja. Mereka hanya memberikan pandangan kepada Pengurus bahawa terdapat keperluan untuk staf ini di dalam jabatan dan ianya akan disalurkan ke Jabatan Sumber Manusia PKNS. Jabatan Sumber Manusia kemudian akan kata setuju atau tidak setuju.
- 6.6. Cik Rafizah selaku bekas Pegawai Integriti mengatakan bahawa beliau telah bekerja sebagai Pegawai Integriti sejak 25hb Mac 2013 melalui interview selepas membaca iklan surat khabar. Beliau mempersoalkan tindakan yang terlalu tergesa-gesa perlaksanaan penamatan kontrak ini kerana ianya berlawanan dengan Prinsip-prinsip Integrity Pact. Isu ini telah memberikan impak negatif terhadap imej mereka dan sukar untuk mencari kerja kerana mereka merupakan bekas pekerja PKNS.
- 6.7. Pada 27hb Januari 2014 mereka telah dipanggil untuk menandatangani Integrity Pact, Akta Rahsia Rasmi 1972. Dr. Aliff Aiman & seorang rakan kerja lain baru diperbaharui kontrak mereka. Terdapat satu Pegawai Integriti, seorang Pembantu Tadbir dan seorang Kerani di dalam jabatan mereka. Mereka tidak faham kenapa Integrity Pact dijadikan asas untuk menamatkan pekerjaan mereka semua.
- 6.8. Mereka diberitahu bahawa mereka tidak membuat apa-apa kesalahan tetapi terpaksa menamatkan kontrak atas arahan orang atas. Mereka sepatutnya dipulangkan ke syarikat pemegang iaitu PHSB, tetapi tiada tempat di syarikat pemegang dan dilepaskan begitu sahaja.
- 6.9. Mereka tidak pernah berjumpa dengan YB Azmin Ali. Apabila masuk PKNS, mereka tidak kenal sesiapa. Kedudukan mereka diiklankan. Ketelusan, integriti semua ada. Mereka telah ditemuduga secara baik. PHSB mempunyai headhunters. Mereka akan campur dan padankan sama ada kerja di PKNS atau di tempat-tempat lain.

## 7. KETERANGAN YB AZMIN ALI

- 7.1. Beliau menerangkan bahawa pada 10hb Februari 2009, beliau telah dilantik sebagai ahli Lembaga Pengarah PKNS dan disambung 2 tahun sehingga 2013, dan pada awal tahun 2013, perkhidmatan beliau dilanjutkan sehingga 2015.
- 7.2. Beliau dilantik sebagai Pengerusi Jawatankuasa Kerja, dan EXCO ahli perbadanan PKNS pada 11hb Jun 2009 tanpa sebarang tempoh.
- 7.3. YB Azmin Ali tidak terlibat dalam sesi temuramah mengambil anggota pekerja dalam PKNS. Beliau tidak pernah keluarkan surat sokongan mana-mana pekerja kontrak kerana ini tidak berasas dan tidak berintegriti.
- 7.4. Dato' Menteri Besar mengatakan bahawa kedudukan YB Azmin Ali tergantung. Pada pendapat YB Azmin Ali, beliau telah dipecat. Dalam keterangan awam, apabila ditanya status YB Azmin Ali, Dato' Menteri Besar selaku Pengerusi PKNS mengatakan "*neither in nor out*".
- 7.5. Kemelut dalam PKNS ini yang mengheret pegawai-pegawai PKNS adalah kerana kegagalan MMKN untuk mengesahkan kedudukan YB Azmin Ali dari awal.
- 7.6. PKNS telah menulis surat kepada Pengerusi PKNS pada 15hb Mei 2013 untuk mengesahkan perlantikan jadi tidak timbul soal Pengurus Besar yang memecat. PKNS meminta pengesahan daripada Pengerusi PKNS mengenai kedudukan ahli lembaga pengarah. Malangnya surat ini tidak pernah dijawab. PKNS mengambil keputusan untuk menulis surat kepada kamar PUU. Pada 13hb Februari 2013 MMKN telah mengesahkan perlantikan ahli lembaga pengarah PKNS di mana keputusan tersebut dibuat sebelum PRU13.
- 7.7. Pertama kali dalam kertas MMKN bertarikh 13hb November 2013 ada ruang khas ulasan khas Pejabat Dato' Menteri Besar. Amalan biasa itu tidak akan ada ulasan sebegitu yang dimasukkan dalam kertas MMKN.

- 7.8. Ulasan untuk status YB Azmin Ali yang dicadangkan oleh Pejabat Dato' Menteri Besar adalah "4.3. Y.B. Azmin Mohd Ali telah mengembalikan kemudahan-kemudahan yang diterima maka sesuai untuk dikaji semula kedudukan beliau."
- 7.9. Cabutan minit mesyuarat tidak boleh dibaca berasingan, ianya harus dibaca bersama kertas MMKN. "MMKN menimbang dan meluluskan perlantikan YB Dato' Teng Chang Khim, Y.B. Tuan Ir Iskandar Bin Abdul Samad." Tiada tempoh diletakkan. Sebarang perlantikan mesti dalam jangkamasa 2 tahun. Ayat seterusnya dibaca "Walau bagaimanapun, seorang calon ahli perbadanan PKNS akan ditentukan kemudian."
- 7.10. Mesyuarat MMKN besidang pada 13hb November 2013 yang bertujuan membincangkan kedudukan YB Azmin Ali. Pada 12hb November 2013 ada mesyuarat ahli lembaga PKNS Bil. 4/2013, beliau dijemput hadir dan beliau hadir. Satu hari sebelum beliau menganggap diri beliau dipecat, beliau langsung tidak dimaklumkan walaupun beliau ada di mesyuarat. Langsung tiada hemah untuk memberitahu pertimbangan kedudukan YB Azmin Ali.
- 7.11. Pegawai-pegawai PKNS tidak boleh dikambing hitamkan. Merujuk kepada isu jawatan YB Azmin Ali, PKNS mengesahkan bahawa mereka telah menghantar surat pada 8hb Januari 2014 selaras dengan keputusan MMKN dan kertas MMKN pada 4hb Disember 2013. Kuasa penamatian adalah dalam tangan MMKN.
- 7.12. Mengenai pemulangan kereta rasmi PKNS, YB Azmin Ali telah memulangkan kereta itu kerana beliau mematuhi surat pekeliling bertarikh 19hb Februari 2013 yang bertajuk "Situasi, Fungsi dan Limitasi sebagai Kerajaan Sementara". "Para 2.4. kerajaan sementara adalah kerajaan yang wujud dan fungsi sementara menunggu kerajaan baru dibentuk selepas PRU." "Para 3.20. sebarang penggunaan aset, fasiliti dan kakitangan negeri bagi tujuan politik, atau kempen Pilihanraya Umum adalah dilarang sama sekali." Contohnya penggunaan kenderaan rasmi. Dengan garis panduan tersebut YB Azmin Ali menerangkan bahawa beliau tidak boleh memandu kenderaan milik kerajaan sebaik sahaja kerajaan dibubarkan.
- 7.13. Dato' Menteri Besar telah menghadap DYMM Sultan Selangor pada 3hb April 2013. Dato' Menteri Besar juga telah mengumumkan bahawa Dewan Negeri

Selangor dibubarkan berkuatkuasa 4hb April 2013. Menurut YB Azmin Ali, sebaik sahaja beliau mengetahui mengenai pembubaran Dewan, beliau telah menyerahkan kenderaan Honda CRV kepada pihak PKNS atas prinsip ketelusan dan integriti yang dipegang pada 5hb April 2013. Inilah alasan yang digunakan di dalam kertas MMKN, di mana kedudukan beliau perlu dikaji semula.

## 8. PENEMUAN JAWATANKUASA

- 8.1. Berdasarkan dokumen-dokumen yang dikemukakan di hadapan Jawatankuasa, kedudukan YB Azmin Ali sebagai ahli perbadanan PKNS tidak pernah ditamatkan secara nyata dan kedudukan beliau dianggap masih kekal. Terdapat masalah komunikasi dan arahan yang kurang jelas sama ada sengaja mahupun tidak sengaja yang menyebabkan kekeliruan berkenaan isu ini diperbesar-besarkan.
- 8.2. Alasan untuk pengkajian semula kedudukan YB Azmin Ali berdasarkan pemulangan aset kerajaan tatkala status ‘kerajaan sementara’ adalah kurang wajar dan nampaknya beliau dihukum kerana mematuhi garis panduan yang dikeluarkan Pejabat Dato’ Menteri Besar sendiri. Walau bagaimanapun, Jawatankuasa difahamkan oleh Dato’ Menteri Besar bahawa siasatan dalaman oleh Dato’ Setiausaha Kerajaan Negeri masih berjalan mengenai PKNS di mana Pengurus Besar telah diberikuasa untuk mengeluarkan surat-surat dan perkara-perkara lain yang berbangkit mengenai status YB Azmin Ali di PKNS.
- 8.3. Berdasarkan dokumen-dokumen yang telah dikemukakan di hadapan Jawatankuasa, terdapat banyak usaha oleh pihak PKNS untuk mendapatkan arahan jelas daripada Pejabat Menteri Besar selaku Pengerusi PKNS. Namun demikian, Jawatankuasa berpendapat bahawa Pejabat Dato’ Menteri Besar tidak memberikan jawapan dan arahan yang jelas sama ada YB Azmin Ali kekal sebagai ahli perbadanan PKNS ataupun tidak.
- 8.4. Pekerja-pekerja kontrak telah diambil bekerja dengan cara yang boleh dipersoalkan iaitu menurut Pengurus Besar PKNS Dato’ Othman Omar, beliau telah dinasihat oleh pegawai-pegawai PKNS bahawa terdapat keperluan untuk pekerja-pekerja berkemahiran tinggi tetapi perkara ini telah bercanggah dengan penjelasan Tn. Hj. Azlan yang mengatakan bahawa tidak wujud prosedur yang sedemikian. Walau

bagaimanapun, ianya bukanlah akibat salahlaku oleh pekerja-pekerja kontrak itu sendiri tetapi adalah ketidakteraturan pengambilan pekerja-pekerja kontrak dari pihak PHSB. Mereka telah menjadi mangsa keadaan kemelut di dalam PKNS dan liputan media yang berubah-ubah atas keputusan ini.

- 8.5. Jawatankuasa tidak menemui sebarang bukti bahawa 20 pekerja kontrak dibayar RM7 juta. Dakwaan bahawa mereka dibayar sebanyak RM7 juta adalah tidak tepat. Malahan jumlah kos setahun gaji bayaran pekerja-pekerja kontrak tersebut didapati adalah RM 1,596,600.00. Pakej gaji paling rendah adalah RM2,000.00, dan yang paling tinggi RM21,000.00.
- 8.6. Pekerja-pekerja kontrak telah ditamatkan kerja mengikut kontrak dengan teratur di mana pampasan telah dibayar penuh. Walaupun ianya dilakukan menurut undang-undang, ianya adalah penting untuk mengambilkira bahawa PKNS adalah badan berkanun negeri dan apa-apa yang dilakukan akan memberikan kesan terhadap imej Kerajaan Negeri Selangor dan kesan isu ini telah menyebabkan imej Kerajaan Negeri Selangor terjejas.
- 8.7. Ianya telah memberikan kesan buruk kepada pekerja-pekerja kontrak untuk mendapatkan kerja baru dan memberikan persoalan mengenai pentadbiran PKNS.

## 9. SARANAN JAWATANKUASA

- 9.1. YB Azmin Ali masih kekal sebagai ahli perbadanan PKNS. Jawatankuasa tidak menemui bukti kukuh bahawa YB Azmin Ali telah ditamatkan perkhidmatan. Jawatankuasa berpandangan bahawa beliau masih lagi ahli perbadanan PKNS.
- 9.2. Kedudukan ahli perbadanan PKNS hendaklah disahkan di dalam minit mesyuarat MMKN dan dinyatakan dengan jelas di masa hadapan sama ada dikekalkan ataupun ditamatkan/ditarikbalik.
- 9.3. Rantaian komunikasi dan arahan yang jelas dan terperinci hendaklah dilakukan dalam sebarang urusan yang melibatkan urus tadbir Kerajaan Negeri Selangor.

9.4. Kerajaan Negeri Selangor harus melihat semula kesesuaian dan objektif penubuhan anak-anak syarikat yang bertindih fungsinya dengan anak syarikat yang sedia ada.

Penyata ini telah disediakan oleh Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan, Pengerusi Jawatankuasa SELCAT, telah dibincangkan dan diluluskan oleh Jawatankuasa SELCAT di mesyuarat Jawatankuasa pada 21 Mei 2014.

Disahkan oleh :



Y.B. Puan Hannah Yeoh Tseow Suan

Pengerusi Jawatankuasa Pilihan Khas Mengenai Kecekapan, Keber tanggungjawaban dan Ketelusan (Special Select Committee on Competency, Accountability and Transparency- SELCAT)